




**ZULFAQAR International Journal of  
Defence Management, Social Science & Humanities**

Journal homepage: [www.zulfaqar.upnm.edu.my](http://www.zulfaqar.upnm.edu.my)



**Pemikiran Strategik Ketenteraan Berdasarkan Teks Arab Klasik 'Tafrij Al-Kurub Fi Tadbir Al-Hurub' oleh Umar ibn Ibrahim al-Awasi 1353-1408 M**  
**Strategic Military Thinking based on the Classic Arab Text 'Tafrij Al-Kurub Fi Tadbir Al-Hurub' by Umar ibn Ibrahim al-Awasi 1353-1408 M**

**Burhanuddin Jalal<sup>a,\*</sup>, Azlan Iskandar Abdul Ghani<sup>a</sup>, Sayuti Ab Ghani<sup>a</sup>, Amnah Saayah Ismail<sup>a</sup>, Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam<sup>a</sup>, Mohamed Shah Hussin Shah<sup>b</sup>**

<sup>a</sup> *Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

<sup>b</sup> *Fakulti Perniagaan dan Kewangan, Universiti Tunku Abdul Rahman*

\*Corresponding author: [burhanuddin@upnm.edu.my](mailto:burhanuddin@upnm.edu.my)

**ARTICLE INFO**

**Article history:**

Received

19-07-2018

Received in revised

28-08-2018

Accepted

27-09-2018

Available online

31-12-2018

**Keywords:**

ketenteraan,  
strategik,  
kepimpinan,  
manual perang

*Military,  
strategic,  
leadership,  
manual of war*

e-ISSN:

Type: Article

**ABSTRACT**

Peperangan merupakan salah satu daripada pelbagai wajah peradaban, Peperangan juga berpunca daripada permusuhan, persengketaan dan perselisihan. Dalam konteks kajian peradaban dan peperangan banyak buku-buku ditulis oleh tokoh-tokoh ilmuwan Barat dan juga bekas kepimpinan ketenteraan dari negara Barat. Buku-buku seperti Sunzi bingfa karya Sun Tzu, Vom Kriege tulisan Carl Von Clausewitz dan buku The Prince karya Niccolo Machiavelli yang membuktikan terdapatnya kajian-kajian awal tentang peperangan dari perspektif Barat. Selain dari itu terdapatnya buku Tafrij al-Khurub fi Tadbir al-Hurub (Melaikan Kekusutan Dalam Pengurusan Peperangan) oleh Umar ibn Ibrahim al-Awasi (1353-1408 M) yang merupakan karya asli berkaitan peperangan dalam Islam. Kertas ini akan menjelaskan serta menjawab persoalan apakah orang Islam juga mempunyai tradisi penyediaan ketenteraan dan peperangan seperti dunia Barat. Objektif utama kajian berdasarkan teks klasik tersebut ialah, menghuraikan isi kandungan teks klasik berkaitan dengan peperangan dalam Islam, menjelaskan konsep peperangan dalam Islam berdasarkan teks klasik tersebut serta menganalisis kandungan teks serta membuat perbandingan ilmu ketenteraan masa kini. Kaedah kajian yang digunakan ialah analisis kandungan teks dan juga kajian perpustakaan. Secara umumnya, kajian ini telah menemukan sejarah awal ketenteraan Islam yang merangkumi aspek strategi dan pengurusan ketenteraan serta peperangan dari perspektif Islam. Melalui kajian ini juga dapat menemukan tamadun Islam turut mempunyai manual peperangannya sendiri yang lebih awal berbanding tamadun lain sekaligus menghasilkan pemikiran strategik ketenteraan yang telah menjadi tulang belakang kepada pemerintahan dan pembinaan negara pada zaman kegemilangan Islam.

One of the important facets of human civilisation is the waging of wars as a method of resolving issues. Within the context of the study of war, scholars, practitioners and the general public are very much familiar with classical works such as the Art of War by Sun Tzu, The Prince by Niccolo Machiavelli and the much studied On War (Vom Krieg) by the celebrated Carl Von Clausewitz. Tafrij al-Kurub fi Tadbir al-Hurub was authored by Umar Ibn Ibrahim al-Awasi (1353-1408 AD). He lived in the period when vast area of Southern Europe, the Levant, the Middle East and the Central Asia were ruled by Islamic dynasties. It was a time when these regions were in transition and there were constant conflict not only between Christian and Muslim states but also within the Muslim world as well. Umar Ibn Ibrahim al-

---

Awasi scholarly works is a treasure trove of the study of strategic thought, art of command, aspects of preparations for military campaign, facets on military administration as well as methods of warfare that appears to be a civilisation of the Islamic world's military thought and practice during the late middle ages. Significantly, al-Awasi's work appears to reflect contemporary Islamic strategic thought and doctrinal practice at a time when Muslim ruled lands range from the Iberian Peninsula from the west to throughout the Middle East, passing through Bactria and ending in Mughal ruled India. The research on al-Awasi's scholarly work is mainly text based and comparison is made to current military strategic thought that encompasses the body of knowledge as espoused by Sun Tzu, Machiavelli and Von Clausewitz. The commentary contributes to the discourse of strategic thought as well as operational art in Bahasa Malaysia, thus making it available to a wider audience, especially for those who are students as well as practitioners of strategic studies, war studies, military history and operational arts and last but not least the general public.

© 2018 UPM Press. All rights reserved.

---

## Pendahuluan

Ketenteraan dan pertahanan merupakan elemen penting dalam mengukuhkan pentadbiran negara. Kekuatan ketenteraan dan pertahanan yang mantap pula bergantung kepada pemikiran strategik dan juga pengurusan yang cekap. Strategi adalah penting kerana sumber yang tersedia untuk mencapai matlamat ini biasanya terhad. Strategi umumnya melibatkan penentuan matlamat, menentukan tindakan-tindakan untuk mencapai matlamat, dan mengerah sumber-sumber untuk melaksanakan tindakan tersebut. Strategi menerangkan bagaimana tujuan (matlamat) akan dicapai dengan cara-cara (sumber). Strategi boleh diniatkan atau boleh muncul sebagai satu corak aktiviti apabila organisasi menyesuaikan diri dengan persekitaran atau bersaing. Ia melibatkan perancangan strategik dan juga pemikiran strategik.

Ketenteraan dan peperangan merupakan salah satu daripada pelbagai wajah peradaban. Peperangan boleh berlaku dan juga berpunca daripada permusuhan, persengketaan dan perselisihan (Muhammad Husni, 2017). Menurut Ibn Khaldun dalam karya agungnya, '*al-Muqaddimah*' menyatakan, "peperangan dan pelbagai jenis pertempuran telah dan sentiasa berlaku di dunia ini sejak Allah menjadikannya". Menurutnya lagi akar bagi peperangan ialah kehendak diri yang ingin membalas dendam, sama ada sebagai tindak balas terhadap ketidakadilan atau cara gaya pertahanan terhadap sesuatu kerosakan yang dilakukan terhadap seseorang atau sekumpulan orang" (Ibn Khaldun, 2003).

Dalam konteks kajian peradaban dan juga peperangan banyak buku-buku yang ditulis oleh tokoh-tokoh ilmuwan Barat dan juga bekas kepimpinan ketenteraan dari negara Barat. Buku-buku seperti *Sunzi bingfa* karya Sun Tzu, *Vom Kriege* tulisan Carl Von Clausewitz dan buku *The Prince* karya Niccolò Machiavelli membuktikan terdapatnya kajian-kajian awal tentang peperangan.

## Permasalahan dan Objektif Kajian

Secara umumnya persoalan kajian ini ialah untuk melihat teks berkaitan dengan penulisan awal berkaitan dengan ketenteraan dalam zaman awal Islam khususnya di negara-negara Islam di Timur Tengah. Seperti sedia maklum sebelum kedatangan Islam, orang-orang Arab telah mempunyai sistem dan organisasi ketenteraan mereka sendiri.

Selepas kewafatan Nabi Muhammad Islam telah berkembang ke seluruh Semenanjung Arab merangkumi Iraq, Syria, Mesir dan juga Afrika Utara dan Barat. Selepas penaklukan Sepanyol pada tahun 711 Masehi, orang-orang Arab telah meluaskan empayar dan jajahan Islam ke seluruh dunia. Ini secara tidak langsung orang Arab Islam telah mengembangkan sistem peperangan dan ketenteraan mereka. Selain dari itu para penulis dan penterjemah Arab mula mengembang dan menulis ilmu dan hal-hal yang berkaitan dengan peperangan dalam Bahasa Arab atau Parsi. Menurut A. Rahman Zaky dalam tulisannya, *a preliminary bibliography of medieval Arabic military literature* (1965), telah menyebutkan bahawa orang Arab telah mempunyai seni atau strategi perang mereka sendiri. Ini dapat dibuktikan oleh beliau dengan terdapatnya beberapa buah manuskrip awal yang berkaitan dengan peperangan. Antaranya ialah:

- i. *Mukhtasar Siasat al-Hurub*, ditulis oleh Abu Sa'id al-Sha'arsny al-Harthamy yang hidup sekitar tahun 848 M, semasa pemerintahan dua khalifah Abbasiyyah iaitu al-Ma'amim dan al-Mutawakil.
- ii. *Tabsirat Arbab al-Albiib fi kaifiyat al-najiit fi al-hurub* yang ditulis oleh Murda ibn Ali ibn Murda al- arssusi, atas permintaan Sultan Salahuddin al-Ayubi sekitar 1187.
- iii. *Al-tadhkirat al-harawiyah fi al-hiyal al-harbiyah* ditulis oleh 'Ali ibn Abi Bakr al-Harawi (1214).
- iv. *Kitab al-badii' wa al-asrar fi haqiqat al-radd wa al-intisar wal ijtama'at 'alayhi al-rumat fi al-amir* ditulis oleh Muhammad ibn 'Ali ibn Asbagh al-Harawi, Harawi.
- v. *Al-adillah al-rasmiyah fi al-ta'iribi al-harbiyah* yang ditulis oleh Muhammad ibn Manikly, ketua pengawal Sultan dalam pemerintahan al-Ashraf Sha'ban (memerintah 1362-1376). Kitab ini berkaitan dengan sistem tentera dan taktik negara Yunani, Turki dan Arab.
- vi. '*Al-tadbirat al-sultaniyah fi siyrisat al-sand'i al-harbiyah*' ditulis oleh Muhammad ibn Manikly.
- vii. *Al-'Kashf al-kurib fi ma'rifat al-hurub*, ditulis oleh Misii ibn Muhammad al-Yisifi al-Misri.
- viii. *Kitab 'al-aniq fi al-manjaniq'* ditulis oleh ibn Arnbugha al-Zardakach, semasa pemerintahan Sultan Sha'aban (1362-1376).
- ix. *Kitab 'al-mubarak fi ma'rifat la'b al-dabbis wa al-sira' 'alkhayal 'inda mulaqat al-khasm fi awkat'*, pengarang tidak diketahui dan risalah ini menerangkan langkah-langkah yang akan diambil apabila pertempuran berlaku dan kaedah menggunakan pelbagai senjata semasa menghadapi musuh.
- x. '*Tafrij al-kurub fi tadbir al-hurub*', ditulis oleh 'Umar ibn Ibrahimal-Awasi al-Ansari, dalam pemerintahan Mamluk Sultan Malik Faraj ibn Barquq (1399-1411).

Berdasarkan penulisan dan kajian A. Rahmmn Zaky (1965) itu ternyata umat Islam terdahulu telah mempunyai sistem ketenteraan mereka sendiri. Permasalahan atau persoalan kajian yang timbul apakah Muslim telah mempunyai tradisi yang menandingi tradisi-tradisi ketenteraan dalam kebudayaan dan peradaban dunia dari dunia Barat? Donald Routledge Hill dan Ahmad Y al-Hassan menyatakan dalam karya mereka bersama *Islamic Technology* (1986) di bahagian teknologi ketenteraan bahawa terdapat kelompangan kajian tradisi ketenteraan Islam. Beberapa tokoh orientalis dan sejarawan Muslim telah memulakan kerja awal pengenalan-pasti pada peringkat arkeologi bahan-bahan dan artifak-artifak dalam peradaban Islam zaman pertengahan. Setakat ini haya terdapat satu karya asli berkaitan tentang peperangan dalam Islam iaitu '*Tafrij al-kurub fi tadbir al-hurub*' yang ditulis oleh Umar Ibrahim al-Awasi al-Ansari. Buku ini telah diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris oleh George T. Stalon pada 1961 dengan tajuk '*A Muslim Manual of War*', dan tidak ada lagi terjemahan atau pentafsiran dibuat dalam Bahasa Melayu. Sehubungan dengan menjadi harapan agar kajian ini dapat melakukan penterjemahan atau pun penghuraian tentang ilmu peperangan dalam perspektif Islam melalui teks Arab tersebut serta dapat menyumbang ilmu dalam khazanah keilmuan dalam Bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini ialah untuk menghuraikan isi kandungan teks klasik Arab *Tafrij al-Kurub tadbir al-hurub*, ditulis oleh 'Umar ibn Ibrahimal-Awasi al-Ansari berkaitan dengan peperangan dalam Islam, menjelaskan konsep peperangan dalam Islam berdasarkan teks klasik tersebut dan menganalisis kandungan teks serta membuat perbandingan ilmu ketenteraan masa kini, sementara kaedah kajian yang digunakan ialah analisis kandungan teks dan juga kajian perpustakaan.

## Sorotan Kajian

Pada umumnya pada hari ini kita banyak menggunakan serta mengkaji fikiran-fikiran strategis dari pakar strategi klasik seperti Sun Tzu, Carl von Clausewitz, Machiavelli, Jomini dan lain-lain lagi dan tidak banyak untuk mengkaji atau menggunakan fikiran dan pakar strategik Islam seperti Al-Ansari ini. Dengan turut

mengkaji dari tokoh Islam ini diharapkan banyak lagi ilmu-ilmu ketenteraan Islam dapat memberi sumbangan ke arah pengukuhan pertahanan negara serta tahap profesional ketenteraan di Malaysia khususnya. Secara keseluruhannya peranan asas ketenteraan ialah berperang atau memainkan peranan penting dalam situasi perang. Selain dari itu kita juga perlu membezakan pengertian pertempuran (*battle*) dengan perang (*war*) kerana perang melibatkan semua komponen serta potensi negara.

Wujud pendapat yang menyatakan perang merupakan salah satu cara untuk mencapai tujuan politik dan pelaksanaannya ditentukan oleh keputusan politik kepimpinan sesebuah negara dan bukan oleh Panglima Tentera. Pengertian perang dan kaitan dengan politik ini diambil dari ungkapan seorang pakar strategik klasik dari Barat iaitu Carl von Clausewitz yang menyebutkan "*War is not merely an act of policy but a true political instrument, a continuation of political intercourse, carried on with other means. The political object is the goal, war is the means of reaching it, and means can never be considered in isolation from their purpose.*" (On War, hal. 87).

Berdasarkan pendapat ini seolah-olah terdapat kaitan yang rapat antara politik dan perang. Sama juga apabila membincangkan antara pertempuran dengan perang, perbincangan tentang strategi dan taktik juga perlu dibezakan kerana strategi mempunyai ruang lingkup yang lebih luas dan mendalam serta membincangkan aspek strategi itu juga ada kaitan dengan politik.

Pengkajian ini juga diharapkan dapat menambah atau menggali pendekatan strategi ketenteraan Islam di samping telah mengguna atau mengamal pemikiran-pemikiran strategik klasik atau pun dengan tujuan untuk membuat perbandingan dengan konsep-konsep yang telah digunakan oleh para tokoh atau strategi keselamatan ketenteraan yang sedia ada di Malaysia pada hari ini.

Perlu ditekankan bahawa pengkajian terhadap strategi ialah kajian mengenai cara-cara penggunaan ketenteraan (*the use of force*) yang digunakan oleh sesebuah negara untuk mencapai sesuatu matlamat. Secara umumnya, strategi mempunyai hubungan yang rapat dengan sesuatu perancangan peperangan dan cara pelaksanaan sesuatu peperangan. Mengikut *The new encyclopedia Britannica* (1995) strategi merupakan seni merancang dan mengatur untuk memperdayakan musuh atau dianggap sebagai kebijaksanaan dalam mengendalikan peperangan. Pendapat pemikir strategi Carl Von Clausewitz pula mendefinisikan strategi sebagai cara penggunaan bagi mencapai atau matlamat politik. Berdasarkan definisi Clausewitz strategi ialah cara penggunaan ketenteraan atau untuk mencapai objektif politik. Sarjana Jerman Molter pula melihat strategi sebagai cara mengubahsuai secara praktikal kuasa yang ada di tangan seorang Jeneral tentera dalam mencapai sesuatu objektif. Lidle Hat (1967) pula mendefinisikan strategi sebagai, "*the art of distributing and applying military means to fulfill the ends of policy*'.

Perkembangan teknologi persenjataan dan kemunculan penggunaan nuklear secara meluas bagi menghasilkan senjata pemusnah besar-besaran atau *weapon of mass destruction* telah membuka kepada pelbagai pemikiran strategi. Keupayaan dan kesan kepenggunaan senjata strategik ini mencetuskan idea baru dalam pemikiran strategi. Menurut pendapat K. J. Holsti (1992), "*minat mereka (golongan strategis) yang utama ialah untuk memahami logik kawal cegah dalam zaman nuklear, untuk mengkaji kesan dan pengaruh sistem senjata baru terhadap kawal cegah kuasa untuk membentuk strategi bertujuan meningkatkan keselamatan kebangsaan, sementara mengurangkan kemungkinan berlakunya peperangan*".

Jelas menunjukkan bahawa strategi tidak lagi tertumpu kepada perancangan melakukan sesuatu peperangan dan bagaimana untuk mendapatkan kemenangan dalam peperangan (*how to win the war*), tetapi juga pemikiran untuk mengelakkan peperangan (*how to avoid the war*). Selain dari itu strategi tidak lagi tertumpu atau terhad kepada panglima-panglima perang atau ketua-ketua negara sahaja, tetapi ia telah beralih kepada kemampuan dan penentuan seseorang pemimpin dalam sesebuah negara. Robert Osgood (1979) telah menegaskan bahawa strategi ketenteraan perlu difahami dan dilihat dalam aspek yang lebih luas melibatkan perancangan yang menyeluruh dan menggunakan keupayaan senjata untuk memaksa musuh atau sesuatu pihak tertentu tunduk kepada kemahiran atau penetapan oleh pihak yang berkuasa.

### **Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemikiran Strategi**

Secara keseluruhannya terdapat banyak faktor yang akan mempengaruhi strategi pemikiran seseorang individu atau organisasi terhadap cara atau kaedah untuk menghadapi dan seterusnya memenangi pertempuran atau peperangan. Dalam hal ini Micheal Leifer (2002) menyatakan bahawa pendapat dan

teori realisme merupakan teori kontemporer yang terkenal dalam menjelaskan perlakuan atau hubungan dalam sistem antarabangsa.

Membuat keputusan merupakan inti pati atau asas kepada perancangan, manakala perancangan merupakan strategi. Hal ini kerana, apabila berada di medan perang, situasi yang berlaku kadang-kala berlainan dengan apa yang dirancang. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Dolman (2005: 41), iaitu *"decision is the act of making meaningful choices where uncertainty exist"*, maka, beberapa keputusan hendaklah dibuat di medan perang bagi menyempurnakan strategi yang sedia ada.

Dalam proses membuat keputusan atau tindakan, suatu perancangan teliti hendaklah dilakukan. Perancangan ini akan menjadi lebih penting apabila suatu tindakan yang besar hendak dilaksanakan. Apabila perancangan awal dibuat, ia dapat mengelakkan kemungkinan yang boleh menghalang kejayaan dalam suatu tindakan tersebut. Selain itu, perancangan ini juga dapat mengurangkan impak negatif yang akan berlaku hasil daripada tindakan yang diambil.

Apabila seorang individu itu ingin melakukan sesuatu tindakan, langkah yang harus diambil ialah: (1) mengenal pasti masalah; (2) meneliti pilihan-pilihan yang ada; (3) fikirkan akibat atau kemungkinan yang akan berlaku bagi setiap pilihan; (4) tentukan nilai yang baik; dan (5) membuat tindakan berdasarkan keputusan yang dipilih. Berdasarkan langkah-langkah tersebut, ia dapat mengelakkan kebarangkalian kegagalan dan mengurangkan kesan negatif hasil dari tindakan. Ini sekali gus dapat membantu seseorang itu dalam mengambil tindakan seterusnya, sekiranya tindakan yang sebelumnya gagal. Justeru, perancangan awal merupakan suatu instrumen yang penting dalam kehidupan bagi mencapai sesuatu kejayaan.

Hal yang sama juga turut berlaku dalam menghadapi sesuatu peperangan. Perancangan awal dan pembentukan strategi ini penting disediakan untuk menghadapi sebarang peperangan. Berbeza dengan perancangan untuk menempuh cabaran hidup seseorang, perancangan untuk menghadapi peperangan sangat besar nilainya. Hal ini penting kerana, peperangan melibatkan nyawa seseorang, malah turut melibatkan kedaulatan sesebuah negara. Ini menunjukkan bahawa, risiko peperangan amat tinggi. Dengan itu, perancangan yang teliti perlu dilakukan bagi memastikan keberkesanan sesuatu strategi bagi mencapai kemenangan sesuatu peperangan.

## Sistem Strategi Klasik

Pada zaman dahulu peperangan berbentuk peperangan gerila dan peperangan gerila pertama sekali diperkenalkan oleh orang Sepanyol semasa Perang Peninsula menentang tentera Napoleonik pada awal abad ke-19, bentuk dan modus operandi perang gerila telah pun wujud lebih awal daripada gerila Sepanyol sebagaimana yang dijelaskan oleh Sun Tzu di dalam buku karangannya yang bertajuk *'The Art of War'*, Thucydides dalam bukunya yang bertajuk *'The Peloponnesian Wars'* dan Kautilya dalam bukunya *'The Arthashastra'*. Bagi menjelaskan lagi konsep strategi perang gerila tersebut berikut dijelaskan pendekatan atau strategi oleh tokoh yang dinyatakan:

### i. Sun Tzu.

Dalam bukunya yang berjudul *'The Art of War'*, Sun Tzu menerangkan secara terperinci tentang bentuk dan pergerakan dalam peperangan gerila dan cara untuk mengendalikannya. Versi yang telah diterjemahkan oleh S.B. Griffith, membahagikan idea, bentuk, dan taktik dalam peperangan gerila kepada beberapa bab; bahagian II-strategi pertahanan, Bahagian IV-kelemahan dan kekuatan, Bahagian IX-pergerakan, Bahagian X-lokasi dan Bahagian XIII-pengambilan agen rahsia. Salah satu elemen iaitu *"taktik mengganggu, serang dan lari"* yang digunakan dalam peperangan gerila telah digunakan sebagai salah satu instrumen oleh pihak yang lemah menentang pihak yang kuat (semasa 3,600 SM. Sun Tzu membantu maharaja Hang menentang Dinasti Miao). Idea Sun Tzu melampaui zamannya, membentuk dan menekankan bentuk, teknik dan taktik pergerakan dan operasi untuk mengganggu operasi musuh. Di dalam bab "strategi pertahanan" sebagai contoh; jangkaan tepat tentang kekuatan musuh dalam melancarkan serangan adalah penting untuk memenangi sesuatu pertempuran, *"...apabila 10 orang melawan 1 orang, lakukan kepungan. Apabila musuh adalah 5 kali ganda kuat, serang mereka...jika kekuatan adalah sama, serang terus...jika lemah dari segi bilangan tentera, bersiap sedia untuk berundur."*(Griffith, S.B, 1963).

Selain dari itu terdapat beberapa taktik dan teknik pergerakan gerila yang turut ditekankan oleh Sun Tzu di beberapa bab adalah seperti menyerang tempat yang tidak dikawal oleh musuh, mempertahankan pangkalan tentera utama yang terdedah kepada serangan musuh, kepentingan dalam menggunakan sepenuhnya sesuatu tempat atau lokasi yang tidak dapat ditawan musuh atau yang boleh digunakan untuk melancarkan operasi dengan kekuatan yang besar dan kepentingan untuk melantik lima jenis agen rahsia yang terdiri daripada '*orang tempatan, orang dalaman, agen talam dua muka, dan agen yang hidup bersama musuh*' (Griffith, S.B, 1963). Ini menjelaskan bahawa agen dalaman atau perisikan merupakan agen rahsia yang paling penting dalam aktiviti mengumpulkan maklumat-maklumat penting daripada musuh.

Idea Sun Tzu berkaitan peperangan gerila di peringkat strategik menyumbang kepada kata sepakat yang penting. Idea dan amalan beliau ditekankan dengan memasuki arena politik dengan mengenal pasti pilihan yang harus diambil dalam membentuk strategi rampasan kuasa. Pengorbanan dari setiap pihak harus dilakukan untuk memastikan sokongan padu daripada rakyat dan untuk mengelakkan pemberontakan (terutama dari kelas pekerja). Idea utama yang ditekankan oleh Sun Tzu di sini melibatkan jangka masa yang panjang berkaitan kepentingan hubungan rapat di antara pemimpin politik (kerajaan memerintah), tentera dan rakyat untuk memenangi sesuatu peperangan biasa mahupun peperangan gerila. Lionel Giles membahagikan idea-idea Sun Tzu; "*kemiskinan yang berlaku kepada sistem cukai negara telah menyebabkan angkatan tentera terpaksa bergantung kepada sumbangan dan bantuan dari luar. Sumbangan dan bantuan untuk mengendalikan angkatan tentera di tempat lain menyebabkan rakyat menderita dan menghadapi masalah kemiskinan. Dalam masa yang sama, kedudukan kawasan tentera yang berdekatan dengan kawasan penduduk menyebabkan harga barangan meningkat dan harga barang yang tinggi menyebabkan bekalan barangan keperluan penduduk sukar didapati atau tidak dapat didapati. Apabila bekalan barangan telah habis, golongan petani atau pekerja akan menghadapi masalah yang teruk.*" (Giles, Lionel, 1988).

## ii. Thucydides.

Bentuk peperangan gerila di Eropah yang digambarkan oleh Baylis; "*ianya telah digunakan semasa Perang Peloponnesian sekitar tahun 431 sehingga 404SM*"<sup>16</sup> apabila pihak yang lemah (Spartan) menentang Athenian (pihak yang kuat). Sebelum tahun 410SM, tentera Athenian dapat mengawal dan mematahkan pergerakan pemberontak Spartan (kawasan di bawah kekuasaan Athens). Walau bagaimanapun selepas tahun 410SM, Spartan mula menakluki hampir setiap bahagian di Greece. Kepentingan untuk menyerang '*pusat graviti*' yang dinyatakan oleh Thucydides menjadi kenyataan, ketika Spartan mengalahkan dan menawan Athenian yang kemudiannya dijadikan tahanan di kem tumpuan tahanan. Walau bagaimanapun Thucydides tidak menerangkan dengan lebih terperinci mengenai taktik dan teknik yang digunakan oleh tentera Spartan kerana buku karangannya lebih menekankan peristiwa sejarah berkaitan perang konvensional, peperangan antara negara dan bentuk hubungan antarabangsa yang dihasilkan oleh empayar Athens berbanding strategi peperangan gerila (Giles, Lionel, 1988).

## iii. Kautilya.

Kautilya merupakan penasihat paling berpengaruh kepada Dinasti Mauryan pada abad ke-5 SM. Idea beliau dalam bukunya yang berjudul *Aethasastra* lebih menekankan 'seni-negara' dan cara membina kerajaan yang lebih baik dan berkesan yang melibatkan peranan raja atau ketua dan bagaimana hendak berurusan dengan negara lain. Di dalam bab XIX; 'kepungan', kita dapat mengenal pasti beberapa ciri yang menggambarkan peperangan gerila dan juga peperangan psikologi. Penggunaan propaganda juga dapat digunakan untuk mengekalkan dan menambahkan kekuasaan seperti yang digunakan oleh agen-agen rahsia di bawah skop perluasan empayar yang besar yang dikaitkan dengan *Teori Mandala* (Giles, Lionel, 1988).

Secara kesimpulannya, penganalisis strategi masa lampau bersetuju bahawa pergerakan dan strategi perang gerila adalah pergerakan pihak yang lemah menentang pihak yang kuat untuk memastikan kedaulatan dan kewujudan mereka dapat diteruskan. Penggunaan aspek keadaan muka bumi, kedudukan dan psikologi telah menjadi ciri utama untuk memenangi sesuatu peperangan

## Latar Belakang Teks Arab Klasik - *Tafrij Al-Khurub Fi Tadbir Al-Hurub*

Buku *Tafrij al-khurub fi tadbir al-hurub* (Meleraikan Kekusutan Dalam Pengurusan Peperangan) di susun oleh Umar ibn Ibrahim al-Awasi (1353-1408M). Penulis merupakan seorang hakim tentera (*qadi al-askari*) di Halab (Aleppo, Syria) yang hidup pada zaman pemerintahan Sultan Mamluk al-Malik Faraj Ibn Barquq yang memerintah pada tahun 1399-1411 (A.Rahman Zaky (1965). Sebagai seorang hakim dalam organisasi ketenteraan, beliau arif dalam hal-hal ketenteraan dan juga turut terlibat dalam operasi ketenteraan di sekitar Aleppo (George T.Stalon, 1961). Dalam tempoh perkhidmatannya itu beliau pernah di tahan oleh tentera Monggol di bawah pimpinan Timur Lenk (Tamerlane) dan ini menambah pengetahuan dan pengalaman beliau mengenai strategi dan teknik tentera Monggol dan kesemuanya di catatkan dalam teks karya beliau itu.

Bagi menjelaskan lagi maksud judul buku tersebut iaitu '*Tafrij al-khurub fi tadbir al-hurub*' (Meleraikan Kekusutan Dalam Pengurusan Peperangan), perkataan '*Tafrij*' bermaksud 'berlapang', 'kelegaan' dan 'bantuan'. Ia berasal dari akar perkataan Bahasa Arab '*faraja*' yang membawa maksud 'membuka', 'melegakan' dan 'melapangkan'. Sementara perkataan, '*Kurub*' pula bermaksud 'kekusutan' dan berasal dari perkataan '*karab*' yang bermaksud 'mencetuskan kesedihan atau kegundahan' Perkataan '*Tadbir*' pula membawa maksud timbangan dan ada kaitan dengan perkataan yang membawa pengertian hujung, natijah dan kesan. Oleh yang demikian frasa, '*Tadbir al-Hurub*' dalam judul buku ini membawa erti disiplin atau buku yang membincangkan ilmu perang dari awal sehingga penghujung, akhirnya atau matlamat serta tujuan peperangan. Sekiranya peperangan tidak dapat dielakkan maka dengan *Tadbir al-Hurub*, peperangan yang berlaku itu dapat dikendalikan dengan cara yang baik serta menghasilkan kemenangan ataupun dengan memendekkan tempoh peperangan bagi mengelakkan kematian, mengurangkan kemusnahan serta mengecilkan korban perang atau jumlah yang tercedera dalam peperangan.

Teks '*Tafrij al-khurub fi tadbir al-hurub*' ditulis oleh Umar Ibn Ibrahim al-Awasi al-Ansari semasa dalam pemerintahan Sultan Malik Faraj Ibn Bargug (1399-1411) iaitu pada zaman pemerintahan Mamluk dan manuskrip ini mengandungi 20 bab. Kandungan bab merangkumi perkara berikut:

**Jadual 1: Kandungan Teks '*Tafrij Al-Khurub Fi Tadbir Al-Hurub*'**

Bab	Kandungan
Bab 1	Berwaspada dalam masa aman dan kedudukan Raja (Pemerintah)
Bab 2	Perisikan dan keanggotaannya
Bab 3	Aspek wakil kerajaan (diplomasi)- peranan dan tugas
Bab 4	Tipu helah dan strategi menyekat berlakunya peperangan
Bab 5	Perundingan dalam peperangan
Bab 6	Syarat kelayakan menjadi Jeneral (Ketua Tentera)
Bab 7	Kaedah bertembung dengan musuh dan tindakan menghadapinya
Bab 8	Peraturan berkaitan dengan keanggotaan
Bab 9	Peraturan dalam pergerakan ketenteraan (konvoi) serta kaedah pertempuran
Bab 10	Peraturan dalam kem dan peraturan berpangkalan di barisan hadapan
Bab 11	Peraturan semasa dalam operasi
Bab 12	Peraturan semasa operasi dan aspek keselamatan operasi
Bab 13	Peraturan menyerang kedudukan musuh
Bab 14	Pemilihan ketua untuk operasi dan kaedah pelaksanaan tugas
Bab 15	Kaedah serang hendap terhadap musuh dan pelaksanaan operasi
Bab 16	Peraturan menggerakkan pasukan untuk operasi di medan.
Bab 17	Kaedah dan peraturan bertempur dengan musuh
Bab 18	Peraturan menangkap, atau menahan musuh
Bab 19	Kaedah dan Peraturan membuat pangkalan atau penempatan (kubu)
Bab 20	Kaedah dan Peraturan tempat perlindungan dan penahanan tawanan perang

Sumber: '*Tafrij al-khurub fi tadbir al-hurub*'

Pertahanan dan keamanan merupakan satu keperluan yang penting (*maslahat dharuriyyat*) bagi setiap manusia, masyarakat serta negara pada setiap masa dan tempat. Menurut Burhanuddin Jalal (2018), dengan wujudnya pengurusan pertahanan, keamanan dan keselamatan manusia, masyarakat dan

negara akan dapat melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab yang dimiliki ke tahap yang maksimum. Para ulama menyebut kepentingan dan kebajikan manusia dan memenuhi *maqasid syariyyah* atau kepentingan syariah serta sebagai maslahat kepada umat seluruhnya.

Berdasarkan analisis awal terhadap teks ‘*Tafrij al-Kurub fi Tadbir al-Hurub*’, antara strategik peperangan yang dikemukakan oleh Umar al-Ansari ialah menjelaskan tentang aspek strategi peperangan dan aspek perisikan ketenteraan. Al-Ansari telah menjelaskan secara mendalam berkaitan dengan aspek kecerdasan anggota tentera, prinsip dan juga strategi yang perlu digunakan pakai dalam aspek perisikan. Perkara ini dapat dibezakan dengan apa yang terdapat dalam aspek karya klasik ketenteraan yang lain khususnya *The Art of War* dan juga *The Arthashastra*.

Bahagian pertama atau 10 bab yang awal teks ini menjelaskan tentang strategi politik dan juga penglibatan dalam politik atau boleh dikategorikan sebagai strategi taktikal sementara dalam Bahagian kedua atau 10 bab yang kedua mengandungi aspek kecerdasan anggota tentera dan juga aspek perisikan atau berkaitan dengan taktikal berperang.

Antara perkara penting yang ditekankan oleh Umar al-Ansari ialah pemimpin yang baik perlu menghindari konfrontasi dan memilih strategik serta taktik yang terbaik untuk menang dalam peperangan. Antara taktik yang penting ialah taktik ‘muslihat’ dan ini bersesuaian dengan apa yang pernah disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu “peperangan itu adalah taktik dan muslihat”. Perkara ini juga ada dicatatkan oleh Sun Tzu yang menyatakan, “*semua peperangan adalah muslihat dan untuk menang perlu kepada muslihat dan taktik*”.

Selain dari itu, Ansari juga ada menyebutkan tentang kaedah untuk mengelakkan peperangan dengan cara yang betul, bijak dan tepat. Ini dapat dijelaskan oleh Al-Ansari yang telah menceritakan kisah yang telah berlaku pada zaman salah seorang pemerintahan Islam yang telah melakukan hubungan baik dengan orang Tartar dengan memberikan hadiah yang kecil dan besar. Apabila disoal mengapakah pihak pemerintah melakukan tindakan sedemikian? Pihak pemerintah menjelaskan, “*apa yang diberikan kepada orang Tartar itu, nilai kesemuanya tidak lah terlalu besar berbanding dengan jumlah perbelanjaan dan nilai kuda yang akan hilang apabila jika berperang dengan mereka*”.

Prinsip kedua yang ditekankan oleh Al-Ansari ialah tentang keupayaan dan kesediaan panglima Perang untuk terus fokus dan komitmen dalam menentuai bala tenteranya. Adakah satu sikap yang perlu ada kepada Panglima Perang di barisan hadapan ialah sentiasa waspada dan mengambil tahu tentang kekuatan dan kelemahan musuh yang dihadapi Ini pening kerana dengan fokus dan kesungguhan ia mampu untuk terus bertahan dan menghadapi musuh. “*Jika seseorang panglima perang mempunyai jumlah tentera yang ramai dan kekuatan yang lebih dari pihak musuh, maka ia perlu bersedia untuk berjuang dan melawan musuh*”. Sejarah juga telah mencatatkan bahawa terdapatnya pemerintahan pada zaman Islam yang telah memberikan hadiah kepada orang Monggol bagi mengelakkan dari berlakunya peperangan.

### **Pengajaran Penting Dari Teks ‘*Tafrij al-kurub fi tadbir al-hurub*’**

Secara umumnya teks yang dikaji adalah berkaitan dengan ketenteraan dan manual peperangan. Kelemahan dalam pengurusan sistem ketenteraan dan pertahanan negara merupakan salah satu faktor penyebab keruntuhan bagi sesebuah kerajaan. Perkara ini dapat dilihat menerusi sejarah tamadun lampau yang mana hampir kesemua tamadun musnah disebabkan kelalaian pemerintah dalam menguruskan sistem ketenteraan dan pertahanan negara dengan lebih baik. Dengan ini, jelaslah menunjukkan aspek ketenteraan dan pertahanan negara perlu diambil berat kerana kedua-dua ini merupakan aset terpenting dalam politik sebuah negara.

Kajian terhadap teks klasik ini juga penting sebagai satu perbandingan dan penambahan maklumat dan strategik ketenteraan kerana dalam bidang ketenteraan dan pertahanan khususnya pada masa kini, kerana pada bila masa sahaja konflik atau kekacauan boleh tercetus yang akan menggugat keamanan negara. Justeru itu, kecekapan pengurusan dalam aspek ketenteraan dan pertahanan amat perlu bagi bersiap sedia menghadapi cabaran dan ancaman kepada pertahanan negara.

Bagi Lukman Ibrahim dan Ermy Azziaty Rozali (2017) ada menyebutkan pertahanan negara adalah suatu langkah atau tindakan yang harus diambil bagi menjamin keselamatan, keharmonian dan



kestabilan politik bagi sesebuah kerajaan. Pertahanan merangkumi aspek ketenteraan seperti membina tembok pertahanan, kelengkapan senjata, latihan anggota tentera dan sebagainya. Menurut Samuel Edward Finer dalam karyanya, *The Man on Horseback: The Role of the Military in Politics* (2002), yang telah menyebut kumpulan angkatan tentera ditubuhkan untuk menghadapi serangan musuh serta memastikan kemenangan bagi mempertahankan keharmonian dan kestabilan sesebuah negara.

Selain dari itu, dalam sejarah kehidupan manusia secara umumnya, menunjukkan kecekapan pengurusan ketenteraan dan pertahanan yang boleh dijadikan contoh kepada pentadbiran sekarang adalah melalui pengurusan yang diamalkan oleh baginda Nabi Muhammad S.A.W. Kehebatan baginda dalam mengurus dan mentadbir kerajaan yang dibina selepas penghijrahan baginda bersama para sahabat ke Kota Madinah diperakui oleh beberapa ahli sarjana. Antaranya, sarjana Sa'id Ramadhan Al-Buti menukilkan kehebatan baginda dalam kitabnya *Fiqh Sirah Ma'a Mujiz li Tarikh al-Khilafah Al-Rashidah* "Andai kata manusia ingin mencari suatu contoh terbaik bersifat universal, mereka akan dapat semuanya di dalam kehidupan Nabi Muhammad S.A.W." (Al-Buti 2010:24). Ini bermaksud penulis teks klasik ini telah mengambil iktibar dari sirah Nabi Muhammad berkaitan dengan pentadbiran ketenteraan dan juga peperangan. Ini adalah kerana pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W. juga diiktiraf dari penulis barat, Michael H. Hart (1992) dalam karyanya yang menyenaraikan 100 orang tokoh yang berpengaruh sepanjang zaman berdasarkan populariti, Nabi Muhammad S.A.W mencatat kedudukan yang tertinggi sebagai tokoh yang paling berpengaruh mendahului tokoh yang lain walaupun pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W telah berlalu beberapa abad sekalipun. Pengiktirafan ini disebabkan kejayaan baginda Nabi Muhammad S.A.W. dalam membentuk pentadbiran negara yang sistematik serta mempunyai barisan pertahanan yang mantap sehinggakan digeruni oleh pihak musuh. Ini dibuktikan sepanjang pentadbiran baginda, umat Islam tidak pernah kalah dalam setiap siri peperangan walaupun mempunyai bilangan yang sedikit berbanding pihak musuh. Kesan daripada sistem pentadbiran yang dibawa oleh baginda Muhammad S.A.W, masyarakat Islam mula mengorak langkah ke hadapan dan mencapai kepada era kegemilangan pemerintahan Islam.

Teks klasik yang dikaji juga menjelaskan tentang kepentingan strategi ketenteraan. Strategi adalah suatu istilah yang menunjukkan adanya sesuatu yang harus dicapai atau diwujudkan. Definisi yang diambil dari bahagian ketenteraan Amerika Syarikat (US) mengatakan strategi adalah seni dan ilmu mengenai perkembangan serta penggunaan kekuatan politik, ekonomi, psikologi dan tentera yang diperlukan dalam keadaan damai dan perang, agar dapat memberikan dukungan maksimum kepada kebijaksanaan (polisi), meningkatkan kemampuan dan kesan yang menguntungkan supaya tercapai kemenangan serta mengurangkan kemungkinan kekalahan (Muhammad Abu Ayyasy T.Th:40). Manakala menurut al-Butush (2014:19) turut menyatakan strategi merupakan satu usaha kreatif ke arah perubahan menggunakan sesebuah angkatan tentera dalam memperkemaskan strategi pertahanan negara, dengan tujuan mewujudkan satu keadaan yang boleh menjamin kejayaan dan hasil yang berlipat ganda berada di tahap maksimum dari segi pencapaian matlamat ketenteraan yang diharapkan.

Menyentuh dari strategi ketenteraan teks klasik *Tafrij al-kurub fi tadbir al-hurub'* telah memuatkan 20 bab tentang kaedah atau operasi ketenteraan yang diguna pakai pada zaman tersebut dan ternyata terdapat beberapa pendekatan yang sama telah digunakan oleh tentera Islam khususnya pada zaman Rasulullah. Menurut Menurut Gholam Reza Zandi (2015:22) menjelaskan terdapat sebanyak 20 pilihan strategi (*strategic choice*) berdasarkan 27 siri peperangan yang diketuai oleh Nabi Muhammad, namun hanya terdapat lima strategi atau taktik yang diguna pakai dalam menghadapi pihak musuh iaitu:

- i. Operasi serang mengejut (penyamaran) dan perang saraf (*raids and patrols fighting, deterrence and moral influence operations*).
- ii. Operasi pertahanan (*defensive operations*).
- iii. Operasi serangan (*offensive operations*).
- iv. Operasi mengejar (*pursuit operations*).
- v. Operasi pengepungan dan pertempuran di kawasan perkampungan (*siege and killings in fortified villages operations*).

Karya yang dikaji turut memuatkan aspek atau unsur akidah dalam manual peperangan tersebut. Ini bermaksud pendekatan pandang alam Islam (*Islamic world view*) Kitab ini mengingatkan bahawa keteraturan urusan dalam perang adalah bergantung pada Allah dan beramal dengan ketaatan terhadap Yang maha pencipta (*nizam al-amr fi al-harb taqwaLlah wa l'amal bi' taathihii*). Dengan mengingati Allah, ia merupakan senjata yang utama dalam perang. Selain dari itu, Panglima Perang juga diingatkan bahawa Allah akan meninggikan dan merendahkan sesiapa sahaja yang dikehendaknya dan tiada suatu strategi,

kekuatan atau bilangan tentera dapat mengubah ketentuan sesuatu pertempuran. Maka dengan itu menurut al-Ansari panglima perang diseru meninggalkan maksiat dan dendam, cenderung untuk memaafkan dan sentiasa adil dalam menghukum agar sentiasa terjaga kepentingan orang di bawah pentadbiran atau kekuasaannya.

Ternyata pengarang teks klasik telah memasukkan unsur akidah dan keyakinan terhadap agama Islam yang telah menekankan aspek persiapan untuk menghadapi musuh di medan peperangan adalah suatu kewajiban syarak. Di antara dalil kewajiban ini ialah seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud, *Dan bersedialah untuk menghadapi mereka (musuh musuh Islam) dengan segala jenis kekuatan yang termampu, daripada kuda-kuda perang yang ditambat untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya sedang Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah, nescaya akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dizalimi*" (Surah *al-Anfal* (8): 60). Ini adalah kerana kemenangan dalam sesuatu peperangan tidak semata-mata ditentukan oleh banyaknya jumlah tentera atau hebatnya persenjataan dan persediaan ketenteraan, tetapi ia lebih ditentukan oleh kekuatan rohani dan kejituan semangat dalaman setiap anggota tentera. Kerana itulah, sebelum terjun ke medan peperangan atau terlibat dengan *jihad qital*, Rasulullah S.A.W. telah mendidik para sahabat dengan aqidah yang kukuh iaitu iman yang sebenarnya kepada Allah S.W.T. dan kecintaan yang tinggi kepada agama-Nya serta tidak menghiraukan celaan kaum kafir, sehingga lahir satu generasi yang bersedia menerima apa sahaja perintah untuk dilaksanakan, sedia berkorban di jalan Allah S.W.T. sama ada menang atau syahid dan bersedia untuk mengisi kemenangan tersebut dengan perintah Allah S.W.T.

## Kesimpulan

Kajian dan analisis yang mendalam terhadap teks ini penting kerana ilmu yang terdapat di dalamnya boleh dimanfaatkan di peringkat akademik dan juga masyarakat awam. Kajian ini juga akan dapat memperkembangkan lagi strategi dan pengurusan ketenteraan atau peperangan untuk masa hadapan serta dapat menyumbang kepentingan tradisi ilmu melalui penyelidikan dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat dan perkembangan ilmu, sekali gus ia mampu menambah baik modul kepimpinan ketenteraan sedia ada, dasar luar negara (*foreign policies*) di samping pembentukan sahsiah peribadi dalam kepemimpinan negara secara khusus dan umum.

## Penghargaan

Geran Jangka Pendek UPNM/2016/GPJP/4/SSI/1

## Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (1972). *Islam dalam sejarah kebudayaan melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim and Youth Movement Malaysia.
- Al-Attas, S. M. N. (2001). *Risalah untuk kaum muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Al-Buti, M. S. R. (2010). *Fiqh sirah ma'a mujiz li tarikh al-khilafah al-rashidah*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Al-Butush, Y. B. (2014). *Al-takhtit alcaskari fi al-sunnah al-nabawiyah*. Penterjemah: Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Amin, M. H. M. (2017). Pemikiran strategik dan model gemilang Islam Dalam Seminar Kepimpinan Islam anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia. 20 September 2017.
- Ayyasy, M. A. (t.t.). Strategi perang Rasulullah S.A.W. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Finer, S. E. (2002). *The man on horseback: The Role of the Military In Politics*. New Brunswick: Transaction Publishers.
- Giles, L. (1988). *Sun Tzu, on the art of war*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.

- Griffith, S. B. (1963). *Sun Tzu, the art of war*. Oxford: Clarendon Press.
- Gulzar, A. (1986). *The battle of the prophet of Allah*. Lahore: Islamic Publication.
- Hart, M. H. (1992). *The 100: A ranking of the most influential persons in history*. New Jersey: Carol Publishing Group.
- Hill, D.R & Hassan, A. Y. (1980). *Islamic technology*. London: Cambridge University Press.
- Ibn Khaldun. (2003). *Muqaddimah*. (Translated). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, L. & Rozali, E. A. (2017). Kecekapan Tadbir Urus Ketenteraan dan Pertahanan Era Pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W. *International Journal of West Asian Studies* EISN: 2180-4788 Vol. 9, No. 1, (pp 39-56).
- Jalal, B. (2018). *Dakwah askari di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Islam Malaysia.
- Mahfuz, M. J. A. A. (2003). *Pertahanan: Ilmu dan persiapan*. Terj. Muhammad Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Osgood, R. (1979). *Limited war revisited*. New York: Westview Press.
- Rahman, A. (1990). *Muhammad panglima tentera*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Stalon, G. T.. (1961). *A Muslim manual of war*. Kaherah: The American University in Cairo Press.
- Umar Ibrahim al-Awasi al-Ansari. (t.t). '*Tafrij al-kurub fi tadbir al-hurub*'. Arabic manuscript.
- Zaky, A. R. (1965). *A preliminary bibliography of medieval Arabic military literature*. Madrid: Instituto De Historia.
- Zandi, G. R., Joupari, N. Z. P. & Aslam, A. (2015). The Strategies in the Battles and Struggles of Prophet Muhammad: How It Can Be Applied in Modern Business. *International Business Research*. 8(11). Canadian Center of Science and Education